

UniSZA perkenal budaya pelbagai negara

Kuala Nerus: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menganjurkan Festival Budaya UniSZA 2018, kelmarin dalam usaha memperkenalkan pelbagai budaya dan warisan penuntut luar negaranya di universiti itu.

Budaya unik dari Thailand, Jepun, Vietnam, Nigeria, China dan Jordan diperkenalkan pada festival itu, sekali gus memberi peluang semua penuntut terutama yang mengikuti kursus pengajian bahasa, mengenali dan mendalami kepelbagaian budaya satu sama lain.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof Dr Mahadzirah Mohamad, berkata penuntut yang mempelajari bahasa asing berpeluang berinteraksi dengan peserta berlainan negara.

“Program ini juga berjaya



PELAJAR Jepun dan Melayu UniSZA mengayakan pakaian masyarakat tradisional Jepun iaitu Kimono pada Festival Budaya UniSZA 2018.

mencungkil bakat penuntut menerusi aktiviti kesenian dan kebudayaan seperti tarian, nyanyian, seni muzik, lukisan dan kraftangan, selain kebudayaan,” katanya.

Beliau berkata, sebanyak RM500 diperuntukkan kepada setiap kelas bahasa asing yang menyertai festival dan sambutan diterima sangat memberangsangkan.

“Melihat sambutan baik ini kami bercadang menambah peruntukan selain menyediakan tapak gerai yang lebih luas bagi setiap kelas bahasa asing terbabit,” katanya.